



TEE SIEW KIONG (dua dari kanan) diberi penerangan mengenai kawasan I Park ketika mengadakan lawatan di Taman Industri I Park, Indahpura, Kulai, semalam. -UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI

Taman perindustrian Johor jadi model transformasi negara

KULAI 12 Nov. - Kerajaan negeri akan memilih beberapa taman perindustrian untuk dijadikan model melalui proses transformasi sebagai contoh kepada pembangunan taman-taman perindustrian lain bukan sahaja di negeri ini, tetapi di seluruh negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, Johor telah dipilih oleh kerajaan pusat sebagai projek perintis bagi tujuan tersebut.

Ujarnya, antara tujuan proses transformasi ini adalah untuk mengubah persepsi masyarakat umum yang berpendapat bahawa taman perindustrian adalah sebuah kawasan yang kotor dan

membawa kesan negatif.

"Buat waktu ini, proses perbincangan dan pemilihan lokasi sedang dilakukan, kita akan mengumumkan satu atau lebih model taman perindustrian menjelang awal tahun hadapan.

"Antara taman perindustrian yang telah dikenal pasti buat waktu ini antaranya melibatkan kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Perbandaran Kulai," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena program Lawatan Kerja Ke Taman Perindustrian i-Park, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Abdul

Rahman Salleh; Pengurus Besar Pusat Pelaburan Negeri Johor, Sidek Paiman; Pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Johor, Sabariah Mohd. Sofian dan Pengarah AME Group, Simon Lee Sai Boon.

Tambah Siew Kiong, Johor dipilih kerana negeri ini berjaya mengekalkan kedudukan sebagai negeri teratas daripada sudut keemasukan pelaburan asing sejak tahun 2013.

"Antara aspek yang akan diambil kira untuk menjadikan mana-mana taman perindustrian sebagai model contoh termasuklah kutipan hasil, keselamatan, landskap, kelengkapan asas serta lain-lain," ujarnya.